



**MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM**

**HEBAHAN IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL  
MALAYSIA SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME (MySTEP)**

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi memohon jawatan berikut :

**1. PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP SETARAF DIPLOMA**

<b>JAWATAN</b>	:	<b>PERSONEL MySTEP (SETARAF DIPLOMA) :</b> 1. Penolong Jurutera JA5 2. Penolong Pegawai Perancang Bandar JA5
<b>SYARAT KELAYAKAN</b>	:	<b>MEMILIKI DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM ATAU DIPLOMA PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH YANG DIKTIRAF OLEH KERAJAAN MALAYSIA</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	:	<b>KONTRAK (MALAYSIA SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME)</b>
<b>TEMPOH LANTIKAN</b>	:	<b>SEHINGGA DISEMBER 2026</b>
<b>BILANGAN KEKOSONGAN</b>	:	<b>TIGA (3)</b> 1. Penolong Jurutera JA5 – 2 Kekosongan 2. Penolong Pegawai Perancang Bandar JA5 – 1 Kekosongan
<b>KADAR UPAH</b>	:	<b>RM2,100.00 SEBULAN</b>
<b>KEUTAMAAN</b>	:	<b>MENETAP DI DAERAH KLUANG</b>
<b>KEMUDAHAN</b>	:	<b>CUTI REHAT, CUTI SAKIT, CARUMAN KWSP &amp; PERKESO</b>

**2. SYARAT LANTIKAN :**

- 1. Warganegara Malaysia**
- Berumur tidak kurang daripada **18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan.
- Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Berkebolehan menggunakan Microsoft Office dalam melaksanakan tugas-tugas meliputi merekod database, fail-fail dan lain-lain.
- Boleh bekerja dibawah pengawasan yang minimum dan menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan.

### **3. DESKRIPSI TUGAS PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP (SETARAF DIPLOMA) :**

**Penempatan : Jabatan Kejuruteraan**

- Melaksanakan perolehan projek mengikut tatacara yang sebenar bagi membolehkan agensi menjalankan fungsi ditetapkan dengan cekap dan berkesan.
- Melaksanakan perbelanjaan peruntukan projek bagi membolehkan agensi menjalankan fungsi ditetapkan dengan cekap dan berkesan.
- Mentadbir kakitangan jabatan kejuruteraan bagi membolehkan agensi menjalankan fungsi ditetapkan dengan cekap dan berkesan .
- Merangka, merancang dan melaksana Pembangunan melalui projek-projek yang memberi manfaat kepada pelbagai golongan bagi membolehkan agensi menjalankan fungsi ditetapkan dengan cekap dan berkesan.
- Melaksanakan penyelenggaraan berkala dan mengatasi peningkatan jumlah aduan awam bagi membolehkan agensi menjalankan fungsi ditetapkan dengan cekap dan berkesan.
- Melaksanakan hal-hal berkaitan pelaksanaan projek pembangunan.

### **4. DESKRIPSI TUGAS PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP (SETARAF DIPLOMA) :**

**Penempatan : Jabatan Perancangan Bandar dan Kawalan Bangunan**

- Bertanggungjawab membantu merancang, menyediakan pelan teknikal, dan menyelaraskan pembangunan fizikal serta tanah.
- Menilai kebenaran merancang (KM), membantu menyediakan pelan tataatur, mengurus sistem GIS, serta menyelia projek infrastruktur di Majlis Daerah Simpang Renggam.
- Membantu menyelaras kajian perancangan seperti Rancangan Struktur Perbandaran, Bandar Selamat, dan Petunjuk Bandar Sejahtera (MURNInet).

### **5. CARA MEMOHON :**

Calon yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan MySTEP Majlis Daerah Simpang Renggam yang boleh diperolehi melalui pautan link <https://www.mdsrenggam.gov.my> . **Tarikh tutup permohonan 21 April 2026.** Borang yang telah diisi hendaklah dihantar ke alamat, Yang Dipertua Majlis Daerah Simpang Renggam, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam, Persiaran Muafakat, 86200 Simpang Renggam, Johor.

## 6. CATATAN AM :

- a) Hanya calon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temuduga dan akan dimaklumkan melalui panggilan telefon atau emel.
- b) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan temuduga jawatan ini adalah tanggungan sendiri.
- c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas 1 Mei 2026** adalah dianggap tidak berjaya.
- d) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat seperti dalam iklan akan **ditolak serta merta.**
- e) Borang yang telah lengkap diisi perlulah disertakan dengan sijil-sijil yang berkaitan (Salinan Kad Pengenalan, Sijil Lahir, Sijil Berhenti Sekolah dan Sijil-Sijil Akademik) dan hendaklah disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional).

  
(MOHD IZZAT HELMI BIN AHMAD)  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Simpang Renggam

MFL/snm  
(drafiklan..mystep)